

Headline	34 juta menderit akibat jangkitan HIV dan Aids Rosnah		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	11 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	464 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700



34 juta menderit akibat jangkitan HIV dan Aids: Rosnah

OLEH ROZZALIN HASHIM
(rozzalin@newsabaitimes.com.my)

SANDAKAN: Jangkitan HIV dan AIDS yang melanda dunia sejak 30 tahun lepas sehingga kini hampir 30 juta orang maud disebabkan penyakit itu dan pada masa ini terdapat 34 juta orang lagi yang sedang menderit akibat jangkitan di seluruh dunia.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Hj Abdul Rashid Shirlin, berkata di Malaysia kes jangkitan HIV yang pertama dikesan pada tahun 1986 dan sehingga bulan September tahun ini seramai 93,827 kes jangkitan tersebut telah dikesan di negara ini.

Beliau berkata, berdasarkan jumlah tersebut sebanyak 17,232 atau 18.4 peratus adalah merupakan pesakit AIDS, dan 14,804 pula adalah kematian berkaitan HIV dan AIDS.

Katanya, kejadian kes HIV baru yang tertinggi dilaporkan berlaku pada tahun 2002 iaitu seramai 6,978 kes atau 28.5 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

"Kerajaan telah pun membuat sasaran untuk mengurangkan kadar kejadian kes-kes baru HIV kepada 11 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015. Melalui langkah-langkah pencegahan penyakit yang telah dilaksanakan secara menyeluruh, akhirnya kerajaan berjaya mengurangkan kes-kes baru jangkitan ini secara signifikan," jelasnya.

Rosnah menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia 2011 peringkat Kebangsaan di Dewan SM Yu Yuan, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Dr.Lokman Hakim Sulaiman.

Tema sambutan pada tahun ini adalah 'Menuju Sifar dengan slogan 'Ke Arah Eliminasi Transmisi Vertikal'.

Menurut Timbalan Menteri Kesihatan mulai tahun 2003 kes-kes jangkitan HIV baru telah menurun kepada 6,756 kes sekali gus menunjukkan penurunan berlaku secara konsisten di mana pada tahun 2010 pula, seramai 3,652-kes baru HIV dikesan dengan kadar 12.6 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

Tambahnya, bagi sembilan bulan pertama tahun ini sahaja, sebanyak 2,465 kes jangkitan HIV baru telah dilaporkan dan jika dibuat unjuran, bilangan kes HIV bagi tahun ini adalah seramai 3,286 kes atau sembilan kes sehari atau dengan kadar 11.5 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

"Berkemungkinan besar sasaran bagi tahun 2015 dapat dicapai lebih awal. Penurunan jangkitan HIV baru secara signifikan ini membuktikan bahawa usaha-usaha kerajaan untuk memerangi epidemik itu berjaya bahkan telah menjadi model kepada negara-negara lain dalam usaha mengendalikan agenda memerangi HIV dan AIDS.

"Sehingga kini," hampir 25 negara telah membuat lawatan kerja untuk mempelajari cara pelaksanaan pencegahan dan kawalan HIV di negara ini dan mereka memuji langkah-langkah yang telah kita ambil," kata Rosnah.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan sedang berusaha untuk memberikan rawatan ARV melalui hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan.

Jelasnya, pada akhir tahun lepas seramai 13,981 orang telah dan sedang menerima rawatan ARV dengan perbelanjaan untuk tujuan itu sahaja berjumlah RM32.5 juta.

Menurutnya, adalah dijangkakan menjelang akhir tahun ini, seramai 15,000 orang akan diberikan rawatan ARV atau 'Antiretroviral' manakala kementerianya juga mengemaskini garis panduan rawatan tersebut mengikut garis

Headline	34 juta menderita akibat jangkitan HIV dan Aids Rosnah		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	11 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	464 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

panduan terkini WHO 2010 iaitu dengan memberi rawatan ARV kepada mereka yang paras CD4 kurang daripada 350 cells/mm.

“Melalui kriteria baru ini, lebih ramai pesakit HIV akan mendapat manfaat daripadanya. Dengan adanya rawatan ARV yang terbaik pada masa ini, kehidupan pesakit HIV akan menjadi lebih bermakna dan jangka hayat mereka adalah dijangkakan lebih panjang berbanding tanpa rawatan.

“Lantaran itu, bagi pesakit yang telah dijangkiti HIV hendaklah sentiasa menjaga kesihatan serta berusaha untuk tidak menjangkiti orang lain. Amalan ini adalah satu langkah yang amat terpuji dan seharusnya dipraktikkan setiap masa,” ujarnya.

Beliau menambah penyumbang utama jangkitan HIV dan AIDS adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti seperti perkongsian jarum suntikan yang tercemar dengan kuman HIV, melalui hubungan seksual dengan mereka yang dijangkiti, hubungan seks bebas dengan orang yang tidak diketahui status kesihatannya serta

melalui ibu dijangkiti HIV kepada anaknya.

Schubungan dengan itu, beliau berkata peranan membanteras HIV dan AIDS bukan hanya dilaksanakan oleh pihak kerajaan sahaja tetapi memerlukan kerjasama semua pihak samada badan bukan kerajaan atau NGO, masyarakat dan individu.

Beliau berharap peranan NGO diperluaskan bukan setakat di bandar-bandar besar malahan di setiap pelosok tempat.

Rosnah memberitahu bahawa di Sandakan, badan NGO seperti Persatuan Kumpulan Sokongan AIDS Sandakan yang lebih dikenali sebagai SAGA ini sudah ada di mana mereka akan membantu kumpulan berisiko daripada dijangkiti HIV.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Presiden SAGA iaitu Dr.Zaiton Yahaya yang juga seorang Pakar Perubatan Keluarga di Klinik Kesihatan Sandakan yang mempelopori badan berkenaan dan sekali gus membantu masyarakat daripada kesan jangkitan tersebut,” katanya.



MENJAYAKAN ... Sebahagian jemputan termasuk juga warga Sandakan yang tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan sambutan julung kalinya diadakan.

Headline	34 juta menderita akibat jangkitan HIV dan Aids Rosnah		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	11 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	464 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700



SIMBOLIK Dr.Lokman Hakim (tiga dari kiri) menampal tanda sifar pada papan tanda sambutan sebagai tanda usaha ke arah membanteras HIV dan AIDS secara sifar



MERIAH SAMBUTAN ... Dr.Lokman Hakim (duduk, tengah) bersama tetamu jemputan dan para hadirin pada Sambutan Hari AIDS Sedunia 2001 peringkat Kebangsaan di bandar Sandakan kelmarin